



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 21 APRIL 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI SAMBUT BAIK INISIATIF SWASTA PROMOSI MANGGA HARUMANIS, THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	OPS BENIH PASTIKAN BEKALAN, PENGEDARAN SAH DI KEDAH, UTARA, HAKAKAH -H17	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2022	THE MALAYSIAN INSIGHT	ONLINE	

Mafi sambut baik inisiatif swasta promosi mangga Harumanis



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata Program Sama-Sama Lokal oleh Maybank di bawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Perlis dapat beri kesan positif kepada pengusaha mangga Harumanis. – Gambar Facebook, 20 April, 2022.

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menyambut baik inisiatif pihak swasta dalam mempromosikan mangga Harumanis bagi membolehkan pengguna membuat prapesanan dan bayaran secara dalam talian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata Program Sama-Sama Lokal yang dibangunkan oleh Maybank di bawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Perlis dapat memberi impak positif kepada pengusaha Harumanis di negeri ini.

Ops Benih pastikan bekalan, pengedaran sah di Kedah

ALOR SETAR: Hasil pemeriksaan sempena 'Ops Benih' oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) di Kedah mendapati secara keseluruhannya pihak yang terlibat mematuhi peraturan dan harga maksimum seperti ditetapkan.

Exco Pertanian dan Industri Makanan, Azman Nasrudin berkata, operasi di bawah Seksyen Kawalselia Padi Dan Beras itu, dijalankan selama tiga hari bermula pada 12 April lalu melibatkan pemeriksaan diperingkat pengeluar, pemborong dan peruncit benih padi sah diseluruh Kedah.

"Ops Benih" ini adalah untuk memastikan bekalan dan pengedaran benih padi sah di Kedah mematuhi peraturan yang ditetapkan agar selaras dengan Perintah Tetap Ketua Pengarah Kawalselia Padi Dan Beras," jelas beliau dalam satu kenyataan Khamis lalu.

Ujarnya lagi, harga benih seperti yang ditetapkan ialah RM31.00 diperingkat borong manakala RM35.00 di peringkat runcit bagi setiap kampak 20 kilogram.

Selain itu kata Azman, hasil pemeriksaan yang dijalankan juga mendapati bekalan benih padi sah berada dalam keadaan stabil dan boleh diperolehi dari



Azman Nasrudin

mana-mana peruncit yang diberi kebenaran oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi Dan Beras.

"Sungguhpun begitu aktiviti pengedaran benih padi sah nampak sedikit perlahan walaupun musim tanaman padi sudah bermula sejak Mac yang lalu.

"Hal ini berkemungkinan disebabkan musim tanaman padi kali ini pada bulan puasa dima-

na kebanyakan petani menangguhkan aktiviti penanaman padi mereka," tambahnya.

Berikutan itu, pihaknya telah bertindak turun ke lapangan bertemu para petani untuk mendapatkan maklum balas secara langsung.

Dalam masa yang sama beliau menyarankan para petani mendapatkan bekalan benih padi walaupun tidak menjalankan aktiviti penanaman pada Ramadan ini bagi mengelakkan pembelian serentak serta eksploitasi harga benih apabila berlaku permintaan tinggi.

Katanya lagi, pihaknya menjangkakan akan berlaku 'shock buying' selepas musim perayaan dan akan menyebabkan permintaan menjadi tinggi selain menjejaskan jadual waktu penghantaran benih.